

20 MAY 2001

Andrew-Anugerah (Bergambar)

PUTERA ANDREW SAMPAIKAN ANUGERAH KEPADA WAKIL BRITISH DI JOHOR

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Putera Andrew yang bergelar Duke of York hari ini menyampaikan anugerah Member of the British Empire (MBE) kepada wakil kerajaan British di Johor pada upacara ringkas di kediaman Suruhanjaya Tinggi British di sini.

Penerimanya, John Bradbury, 58, yang menetap di Malaysia sejak 21 tahun lalu telah menjadi wakil Kerajaan British di Johor selama 14 tahun.

"Anugerah ini yang disampaikan kepada saya tahun ini sempena Hari Keputeraan Ratu Elizabeth ialah sebagai penghormatan kepada tugas saya kepada Kerajaan British dan sebagai wakil British di Johor sejak 14 tahun lalu," kata beliau kepada pemberita.

Bradbury, yang telah memeluk Islam dengan nama Mohd Shah Johan, diiringi oleh isterinya Salmiah Othman dan dua anak perempuan pada upacara itu. Yang turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia Graham Fry, isterinya Toyoko Fry dan Pegawai Konsul Julie Johnson.

Beliau berkata kedudukan terhormat ialah untuk membantu rakyat Britain terutama pelancong jika menghadapi masalah ketika berada di Johor.

Bradbury berkata beliau bekerja dengan sebuah syarikat elektrik dan automotif sejak 41 tahun lalu dan datang ke Malaysia 21 tahun lalu untuk membuka cawangan syarikat itu di Senai, Johor.

"Malaysia ialah kehidupan saya sekarang dan apabila orang bertanya kepada saya, Saya berkata saya dari Johor Baharu. Saya adalah penduduk tetap dan hasrat saya ialah untuk hidup dan mati di negara ini," kata Bradbury yang lahir di Birmingham.

Putera Andrew, yang tiba di Malaysia pada 16 Mei juga dijadual melawat atlet paralimpik di Stadium Nasional di Bukit Jalil esok.

Beliau juga dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini merupakan lawatan beliau yang pertama ke Malaysia sebagai mewakili kerajaan British.

-- BERNAMA

SHS SHS TS FAZ